

Nota Amalan 22
Pemindahan Perbadanan Tersenarai ke Pasaran Utama

BURSA MALAYSIA SECURITIES BERHAD

NOTA AMALAN 22

PEMINDAHAN PERBADANAN TERSENARAI KE PASARAN UTAMA

Perincian	Rujukan Silang
Tarikh kuat kuasa:	3 Ogos 2009 Perenggan 3.09
Tarikh semakan:	18 Disember 2013, 1 April 2015, 2 Januari 2018, 3 Jun 2019

1.0 Pengenalan

Nota Amalan ini menyatakan tatacara dan kehendak lain yang berhubungan dengan permohonan untuk memindahkan perbadanan tersenarai daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama di bawah perenggan 3.09.

2.0 Tatacara yang berhubungan dengan pemindahan penyenaraian

2.1 Tatacara yang berikut terpakai bagi pemindahan perbadanan tersenarai ke Pasaran Utama, dengan ubah suaihan yang perlu, sebagaimana yang berkenaan:

- (a) perbadanan tersenarai dengan serta-merta mengumumkan cadangan pemindahan penyenaraian ke Bursa selepas mendapat kelulusan lembaga pengarahnya;
- (b) perbadanan tersenarai mengemukakan permohonan kepada SC;
- (c) SC meluluskan pemindahan penyenaraian;
- (d) perbadanan tersenarai memfailkan dengan Bursa permohonan pemindahan berserta dengan dokumen sokongan;
- (e) Bursa memberi kelulusan bagi pemindahan penyenaraian;
- (f) perbadanan tersenarai mendapat kelulusan pemegang syer, jika dikehendaki;
- (g) perbadanan tersenarai memfailkan salinan muktamad prospektus dengan pihak berkuasa yang berkaitan, jika berkenaan;
- (h) perbadanan tersenarai menerbitkan prospektus atau dokumen pengenalan, jika berkenaan;
- (i) perbadanan tersenarai mengumumkan kepada Bursa tarikh pemindahan; dan

**Nota Amalan 22
Pemindahan Perbadanan Tersenarai ke Pasaran Utama**

-
- (j) sekuriti dipindahkan ke Pasaran Utama 2 hari pasaran selepas penerbitan prospektus atau dokumen pengenalan, jika berkenaan, dan pengumuman tarikh pemindahan itu kepada Bursa.

2A.0 Maklumat yang berhubungan dengan pemindahan penyenaraian

- 2A.1 Perbadanan tersenarai mesti mengumumkan rasional bagi pemindahan penyenaraian, kelulusan yang dikehendaki dan tempoh masa yang dianggarkan bagi pengemukuan permohonan kepada pihak berkuasa yang berkenaan apabila mengumumkan pemindahan penyenaraian setelah mendapat kelulusan lembaga pengaruhnya.
- 2A.2 Perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian A Lampiran PN 22-E, apabila mengumumkan kelulusan pemindahan penyenaraian oleh SC, berkenaan dengan pemindahan penyenaraian yang tidak melibatkan apa-apa terbitan baharu sekuriti atau transaksi yang akan mengakibatkan perubahan yang signifikan dalam haluan perniagaan atau dasar perbadanan tersenarai.
- 2A.3 Perbadanan tersenarai mesti memasukkan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN 22-E apabila mengumumkan tarikh pemindahan 2 hari pasaran sebelum sekuritinya dipindahkan ke Pasaran Utama.

3.0 Bentuk permohonan pemindahan dan dokumen sokongan

- 3.1 Perbadanan tersenarai yang memohon pemindahan ke Pasaran Utama mesti mengemukakan kepada Bursa, permohonan pemindahan yang terdiri daripada yang berikut:
- (a) permohonan, dalam bentuk Bahagian A Lampiran PN22-A;
 - (b) maklumat dan dokumen sokongan yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN22-A; dan
 - (c) ketetapan lembaga pengarah perbadanan tersenarai yang meluluskan dan membenarkan permohonan pemindahan.

4.0 Aku janji dan pengesahan

- 4.1 Pemohon mesti memberi Bursa suatu aku janji dalam bentuk Lampiran PN22-B.
- 4.2 Pemohon mesti memastikan bahawa -
- (a) tiap-tiap seorang daripada pengaruhnya memberi Bursa suatu aku janji dalam bentuk Lampiran PN22-C; dan
 - (b) tiap-tiap pengarah yang dilantik atau telah dilantik sebagai pengarah bebas memberi Bursa surat dalam bentuk Lampiran PN22-D.

LAMPIRAN PN22-A**BAHAGIAN A****Permohonan pemindahan**
(perenggan 3.1(a))

Sila tandakan jika berkenaan. Sekiranya tidak berkenaan, sila nyatakan "T/B"
[Anda boleh tanda lebih daripada satu kotak, jika berkenaan]

Potong mengikut kesesuaian

1.	Nama syarikat	
2.	Jenis sekuriti	Pindahan daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad (a) Syer biasa <input type="checkbox"/> (b) Waran <input type="checkbox"/> (c) Saham pinjaman <input type="checkbox"/>
3.	Kelulusan SC	Kelulusan SC telah diperoleh <input type="checkbox"/>
4.	Tebaran pemegangan syer awam	[] % dan [] pemegang syer awam
5.	Tarikh pemindahan tentatif (nyatakan)	
6.	Syarat pemindahan	Pemindahan #adalah/tidak tertakluk kepada apa-apa cadangan korporat lain. Jika ya, berikan perincian aktiviti korporat lain itu, termasuk tempoh masa siap yang dianggarkan: <hr/>
7.	Pengesahan	Kami mengesahkan yang berikut: (a) keanggotaan lembaga pengarah perbadanan tersenarai mematuhi kehendak perenggan 15.02 Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad ("LR"); (b) keanggotaan jawatankuasa audit perbadanan tersenarai mematuhi kehendak perenggan 15.09 dan 15.10 LR; dan (c) tebaran pemegangan syer awam berdasarkan jumlah bilangan syer yang penyenaraianya dimohon pemohon mematuhi perenggan 3.06 LR.

Lampiran PN22-A
Permohonan pemindahan

8.	Aku janji	<p>Kami mengaku janji yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (a) prospektus atau dokumen pengenalan (jika berkenaan) akan diterbitkan dan dihantar kepada pemegang syer dan maklumat yang dinyatakan dalam Bahagian B Lampiran PN22-E akan diumumkan 2 hari pasaran sebelum tarikh pemindahan; (b) semua syarat, termasuk syarat yang dikenakan oleh pihak berkuasa yang berkenaan, jika ada, yang dikehendaki dipenuhi sebelum pemindahan ke Pasaran Utama, akan dipenuhi; dan (c) tidak ada hal keadaan atau fakta yang mempunyai kesan menghalang atau melarang pemindahan ke Pasaran Utama termasuk apa-apa perintah, injunsi atau apa-apa arahan lain yang dikeluarkan oleh mana-mana mahkamah undang-undang.
		<p>[Penandatangan Penasihat Utama yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>
		<p>[Penandatangan perbadanan tersenarai yang diberi kuasa] Nama: Jawatan: Tarikh:</p>

BAHAGIAN B**Maklumat dan dokumen yang perlu dizahirkan dan difaillkan dengan permohonan pemindahan (perenggan 3.1(b)(i))**

- (1) Perbadanan tersenarai mesti menzahirkan atau memfailkan maklumat atau dokumen yang berikut untuk menyokong permohonan pemindahan:
 - (a) salinan prospektus yang didaftarkan dengan pihak berkuasa yang berkenaan atau dokumen pengenalan atau jika ini tidak tersedia, salinan draf prospektus yang dikemukakan kepada pihak berkuasa yang berkenaan atau draf dokumen pengenalan, jika berkenaan;
 - (b) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN22-B yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh perbadanan tersenarai berserta dengan cabutan sah terperaku ketetapan lembaga pengarah perbadanan tersenarai yang memberi kuasa kepada penandatangan;
 - (c) surat aku janji dalam bentuk Lampiran PN22-C yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah perbadanan tersenarai;
 - (d) surat dalam bentuk Lampiran PN22-D yang ditandatangani dengan sewajarnya oleh setiap pengarah bebas perbadanan tersenarai;
 - (e) surat daripada Penasihat Utama perbadanan tersenarai yang mengesahkan bahawa semua kelulusan pihak berkuasa yang berkenaan telah diperoleh;

**Lampiran PN22-A
Permohonan pemindahan**

-
- (f) salinan setiap surat kelulusan daripada pihak berkuasa yang berkenaan;
 - (g) cek yang dikeluarkan untuk dibayar kepada Bursa Malaysia Securities Berhad atau apa-apa bukti pembayaran lain yang boleh diterima oleh Bursa bagi fi penyenaraian sebagaimana yang ditetapkan oleh Bursa dari semasa ke semasa, berserta dengan salinan perincian pengiraan amaun fi penyenaraian yang kena dibayar.
- (2) Jika mana-mana dokumen di atas tidak difaiklan kerana tidak berkenaan atau tidak tersedia dalam mana-mana hal, perbadanan tersenarai mesti mengemukakan ekshibit berasingan yang menerangkan mengapa dokumen itu tidak berkenaan atau tidak tersedia.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN22-B
Akujanji oleh perbadanan tersenarai bagi suatu pemindahan ke Pasaran Utama

LAMPIRAN PN22-B

Aku janji oleh perbadanan tersenarai yang berpindah dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama (perenggan 4.1)

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama dan Kaedah-Kaedah Bursa Malaysia Securities Berhad (**"Bursa Securities"**)

Sebagai balasan Bursa Securities meluluskan permohonan bagi pemindahan ("Perbadanan") ke Pasaran Utama Bursa Securities KAMI MENGAKUI bahawa Perbadanan hendaklah kekal dalam Senarai Rasmi Bursa Securities, dan sebut harga rasmi mana-mana sekuriti Perbadanan hendaklah berterusan hanya selama yang dikehendaki oleh Bursa Securities dan KAMI MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities dan Kaedah-Kaedah Bursa Securities, termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi Perbadanan.

** Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan KAMI secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Aku Janji di atas telah ditandatangani oleh saya sebagai [pangkat][nama Perbadanan] menurut kuasa yang diberikan kepada saya melalui ketetapan lembaga pengarah Perbadanan pada

Tarikh:

Tandatangan:

Nama:

** Terpakai bagi perbadanan tersenarai asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN22-C
Aku janji oleh pengarah bagi pemindahan ke Pasaran Utama

LAMPIRAN PN22-C

Aku janji oleh pengarah perbadanan tersenarai yang berpindah daripada Pasaran ACE ke Pasaran Utama
(perenggan 4.2(a))

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pematuhan Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya,[nama pengarah], ialah pengarah..... [nama perbadanan tersenarai ("Perbadanan") yang mengemukakan permohonan kepada Bursa Malaysia Securities Berhad ("Bursa Securities") untuk dipindahkan ke Pasaran Utama Bursa Securities ("Pasaran Utama").

Sebagai balasan kepada Bursa Securities meluluskan permohonan Perbadanan bagi pemindahan ke Pasaran Utama, SAYA MENGAKU JANJI DAN BERSETUJU untuk mematuhi Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities termasuk apa-apa pindaan yang dibuat dari semasa ke semasa, setakat yang pindaan itu terpakai bagi saya sebagai pengarah Perbadanan.

**Aku Janji ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Aku Janji ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....
Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

** Terpakai bagi pengarah asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

Lampiran PN22-D
Pengesahan oleh seorang pengarah bebas bagi pemindahan ke Pasaran Utama

LAMPIRAN PN22-D

**Surat pengesahan oleh seorang pengarah bebas perbadanan tersenarai yang berpindah dari Pasaran ACE ke Pasaran Utama
(perenggan 4.2(b))**

Kepada:

Bursa Malaysia Securities Berhad
Exchange Square
Bukit Kewangan
50200 Kuala Lumpur

Pengesahan "kebebasan" menurut Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama

Saya, [nama pengarah], ialah pengarah [nama perbadanan tersenarai yang mengemukakan permohonan kepada Bursa Securities untuk dipindahkan ke Pasaran Utama Bursa Securities.

SAYA MENGESAHKAN DAN MENGAKU bahawa saya ialah seorang pengarah bebas sebagaimana yang ditakrifkan di bawah perenggan 1.01 Kehendak-Kehendak Penyenaraian Pasaran Utama Bursa Securities.

**Pengesahan ini disifatkan telah dibuat di Malaysia dan pentafsiran, kesahan dan prestasi Pengesahan ini ditadbir dalam semua aspek oleh undang-undang Malaysia dan saya secara tak boleh batal menyerah kepada bidang kuasa Mahkamah Malaysia.

Yang benar,

.....
Nama:

No. KP (Lama & Baharu):

**No. Pasport & Negara Pengeluar:

Jawatan:

Tarikh:

** Terpakai bagi pengarah bebas asing sahaja.

[Lampiran Tamat]

LAMPIRAN PN22-E

BAHAGIAN A

Kandungan pengumuman
(*subperenggan 2A.2*)

1. Maklumat mengenai perbadanan tersenarai termasuk –
 - (a) sejarah ringkas perbadanan atau perniagaan bagi 3 tahun yang lepas atau sejak penubuhannya, mengikut mana-mana yang terkemudian, dan sekiranya disusun semula akibat daripada percantuman, penyatuan atau penyusunan semula, begitu juga sejarah syarikat sebelumnya;
 - (b) jenis dan bilangan syer yang membentuk modal syer;
 - (c) tebaran pemegangan syer;
 - (d) bilangan tahun syarikat itu telah disenaraikan di Pasaran ACE;
 - (e) rekod keuntungan dan dividen perbadanan/kumpulan berdasarkan penyata kewangan teraudit atau proforma (mengikut mana-mana yang berkenaan) bagi tiga hingga lima tahun kewangan yang lepas (atau apa-apa tempoh yang lebih pendek yang perbadanan/kumpulan itu telah beroperasi) dan penyata kewangan interim terkini hendaklah dizahirkan. Jika terdapat apa-apa turun-naik material dalam perolehan atau keuntungan dalam mana-mana tahun itu, penjelasan mengenai perkara ini. Perlu ada jadual yang menunjukkan yang berikut:
 - (i) hasil;
 - (ii) untung kasar dan margin untung kasar;
 - (iii) EBITDA – pendapatan sebelum faedah, perukaian, susut nilai dan pelunasan;
 - (iv) pendapatan lain;
 - (v) kos kewangan;
 - (vi) perkongsian keuntungan dan kerugian syarikat bersekutu dan usaha sama;
 - (vii) untung/rugi sebelum cukai dan untung/rugi sebelum margin cukai;
 - (viii) perbelanjaan cukai;
 - (ix) untung/rugi bagi tahun itu dan margin untung/rugi;
 - (x) untung/rugi yang boleh dikaitkan dengan kepentingan tidak mengawal dan pemegang ekuiti induk; dan
 - (xi) pendapatan asas dan dicairkan per syer.
2. Permodalan pasaran perbadanan tersenarai.

Lampiran PN22-E
Kandungan Pengumuman

Bahagian B

**Maklumat yang hendaklah dizahirkan dalam pengumuman bagi pemindahan sekuriti ke Pasaran Utama
(subperenggan 2A.3)**

1. Tarikh pemindahan;
2. Jumlah bilangan syer yang akan dipindahkan ke dan disenaraikan di Pasaran Utama;
3. Nama ringkas saham;
4. Kod saham;
5. Kod ISIN; dan
6. Sektor dan pasaran yang di bawahnya sekuriti akan disenaraikan.

[Lampiran Tamat]